

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 03/04/2020
Edisi / Muka Surat : Nasional / 28
Tajuk : RM1 bilion inisiatif bantu koperasi

RM1 bilion inisiatif bantu koperasi

Kerajaan sedia dana tangani
kelembapan operasi akibat
Covid-19

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menyalurkan peruntukan RM1.099 bilion kepada 14,628 buah koperasi berdaftar di seluruh negara bagi menangani kelembapan operasi perniagaan berikutan lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, peruntukan itu antara lain melibatkan penangguhan bayaran balik Tabung Modal Pusingan yang diuruskan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk tempoh enam bulan bernilai RM99 juta.

"Koperasi akan diberi penangguhan daripada mendeposit keuntungan bagi tahun kewangan 2019 ke Akaun Deposit

Koperasi (ADK). Penangguhan ini bakal memberi manfaat kepada 14,000 koperasi dengan jumlah tunai terlibat dianggarkan RM600 juta

Wan Junaidi berkata, koperasi juga boleh mendapat pembiayaan dalam bentuk pinjaman mudah tanpa cagaran sehingga RM50,000 yang disediakan di bawah Tabung Modal Pusingan dengan tempoh tanggah enam bulan.

"Koperasi juga disediakan kemudahan pembiayaan melalui Dana Likuiditi Pusat untuk tempoh jangka pendek (setahun) dengan jumlah pembiayaan sehingga RM500,000.

"Jumlah peruntukan terlibat adalah RM50 juta dengan sasaran 100 buah koperasi yang benar-benar memerlukan suntikan kecairan jangka pendek bagi meneruskan operasi perniagaan koperasi di sepanjang tempoh PKP ini," katanya.

Wan Junaidi menjelaskan, geran bantuan kecemasan turut disediakan khusus untuk koperasi yang terjejas teruk akibat Covid-19 dengan jumlah maksimum sehingga RM30,000 bagi setiap kope-

rasi.

Justeru, beliau berharap pelaksanaan inisiatif baharu itu diharap dapat meningkatkan kapasiti 14,628 koperasi untuk menggerakkan semula aktiviti perniagaan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

"Inisiatif untuk meningkatkan aliran tunai membolehkan koperasi terus aktif dan menjaga kebajikan seramai 6.05 juta anggota koperasi," katanya.

WAN
JUNAIIDI

